

19 JUN 1999

Mahkamah -Anwar (peguam)

KARPAL SERTAI PEGUAM PEMBELA ANWAR

KUALA LUMPUR, 19 Jun (Bernama) -- Jumlah peguam yang membela Datuk Seri Anwar Ibrahim telah bertambah dari enam kepada tujuh -- peguam bela yang terakhir menyertai kumpulan peguamnya ialah Karpal Singh.

Tambahan itu dibuat hari ini selepas Karpal, yang juga peguam bela Sukma Darmawan Sasmitaat Madja, membuat permohonan untuk memenjarakan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kerana menghina mahkamah berkaitan kenyataan yang dibuatnya berkaitan Anwar.

Hakim Datuk Arifin Jaka menolak permohonan Karpal berasaskan beliau tidak boleh membuat permohonan bagi pihak yang dituduh yang tidak diwakilinya.

Anwar, 51, dan adik angkatnya Sukma, 38, kedua-duanya didakwa meliwat Azizan Abu Bakar di unit 10-7-2, Tivoli Villa, Jalan Medang Tanduk, Bangsar pada kira-kira pukul 7.45 malam antara Januari dan Mac 1993.

Sukma, seorang pemilik butik, menghadapi tuduhan tambahan bersubahat dengan Anwar melakukan kesalahan itu di tempat, masa dan tarikh yang sama.

Apabila mahkamah memulakan prosiding pada pukul 9 pagi, Karpal memberitahu mahkamah beliau membuat permohonan untuk memenjarakan Dr Mahathir kerana menghina mahkamah berkaitan ucapan Perdana Menteri berkaitan Anwar yang dibuat semasa perasmian Perhimpunan Agung Umno semalam.

"Saya telah menerima arahan daripada Datuk Seri Anwar untuk membuat permohonan ini. Beliau telah melantik saya untuk ini," kata Karpal.

Peguam Negara Tan Sri Mohtar Abdullah bangun dan bertanya sama ada dari segi etika ia boleh dilakukan.

"Ini bukan Parlimen," kata Mohtar.

"Saya tidak akan membenarkannya. Sebarang permohonan oleh tertuduh mesti dibuat oleh peguam belanya," kata Arifin.

Memandang kepada peguam bela Anwar, Christopher Fernando, Hakim berkata: "Tolong nasihatkan pelanggan anda untuk membuat sebarang permohonan melalui anda."

Mahkamah kemudian memanggil bekas Ketua Polis Negara Tun Haniff Omar, yang memulakan keterangan hari ini, untuk datang ke kandang saksi selepas Fernando berkata beliau akan membuat permohonan kemudian.

Sebelum itu mahkamah mula berihat pada pukul 10.15 pagi, Mohtar meminta perkara yang ditimbulkan Fernando dibincangkan di dalam biliknya.

Kira-kira 15 minit kemudian, Mohtar, Fernando dan Karpal keluar dari bilik hakim. Kedua-dua peguam bela dilihat bercakap dengan Anwar dan Sukma.

Apabila mahkamah bersidang semula, Karpal memberitahu Arifin bahawa beliau telah dilantik sebagai peguam bela Anwar dan beliau akan membuat permohonan itu.

"Saya perlukan sedikit penjelasan. Yang Arif, adakah mereka bergabung sebagai pasukan atau adakah mereka bertindak sebagai peguam bela bersama bagi setiap tertuduh," tanya Peguam Negara.

Karpal menjelaskan beliau sekarang adalah peguam Anwar tetapi beliau masih juga peguam bela Sukma.

"Oleh itu, akan berlaku konflik," kata Hakim. "Apa yang baik bagi seseorang mungkin tidak baik bagi yang lain, anda mesti ingat ini."

Apabila Karpal memberikan jaminan kepada mahkamah tidak akan berlaku konflik, dan mereka akan memastikan soalan tidak akan bertindih, Hakim berkata beliau perlu mengubah rekod catatannya.

"Boleh saya tanya siapakah peguam bela utama?" kata Mohtar, dan Karpal menjawab peguam bela masih lagi diketuai oleh Fernando.

"Ada bantahan?" kata Arifin, memandang kepada Mohtar.

"Tidak, asalkan mereka boleh memastikan hanya peguam bela utama menyoal balas saksi," kata Mohtar.

"Tetapi jika seorang peguam bela berasa letih, seorang lagi boleh mengambil alih," kata Karpal.

-- BERNAMA

RA YBY RI